



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 119

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Commissions of Enquiry Act 1950. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

Pertama kali diperbuat	1950 (Ordinan No. 27 tahun 1950)
Disemak	1973 (Akta 119 m.b.p. 17 September 1973)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	1995
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	2000

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 119

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pengeluaran Tauliah
3. Terma Tauliah
4. Kuasa untuk menambahkan atau menggantikan Pesuruhjaya
5. Pelanjutan masa
6. Pertukaran Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertua Negeri atau Raja
7. Pelantikan Setiausaha
8. Kuasa Pesuruhjaya
9. Jurubahasa
10. Elaun
11. Menggunakan keterangan dalam prosiding sivil dan jenayah
12. Penalti bagi ancaman, dsb., kepada saksi
13. Penalti bagi penghinaan
14. Takrif penghinaan
15. Cara menguruskan penghinaan
16. Pendakwa Raya untuk membantu Pesuruhjaya
17. Pemeliharaan ketenteraman oleh polis
18. Hak untuk diwakili oleh peguam
19. Pesuruhjaya ialah pekhidmat awam dan siasatan ialah prosiding kehakiman di bawah Kanun Keseksan
20. Pesuruhjaya mempunyai kuasa Majistret Kelas Satu
21. Perlindungan bagi Pesuruhjaya dan saksi
22. Tatacara dan bentuk

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 119

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi mengadakan suruhanjaya siasatan.

[*Semenanjung Malaysia—4 Julai 1950;*
Sabah dan Sarawak—2 April 1965, L.N. 118/1965]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950.

Pengeluaran Tauliah

2. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, jika didapatinya suai manfaat berbuat demikian, mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih dan memberi kuasa Pesuruhjaya itu untuk menyiasat—

- (a) kelakuan mana-mana pegawai persekutuan;
- (b) penjalanan atau pengurusan mana-mana jabatan perkhidmatan awam Malaysia;
- (c) penjalanan atau pengurusan mana-mana institusi awam yang tidak semata-mata disenggarakan dengan kumpulan wang Negeri; atau
- (d) apa-apa perkara lain yang siasatannya, pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, berfaedah bagi kebajikan awam, iaitu bukan—
 - (i) suatu perkara yang melibatkan apa-apa soal yang berhubungan dengan agama Islam atau adat Melayu; atau
 - (ii) berhubung dengan Sabah atau Sarawak, suatu perkara yang dinyatakan dalam butiran 10 Senarai Negeri:

Dengan syarat bahawa jika mana-mana pegawai persekutuan yang kelakuannya dicadangkan untuk disiasat itu, telah pada masa melakukan kelakuan itu, berkhidmat dalam suatu jabatan perkhidmatan awam sesuatu Negeri, tauliah itu hendaklah dikeluarkan hanya dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri itu.

(2) (*Dipotong oleh L.N. 332/1958*).

(3) Pihak Berkuasa Negeri mana-mana Negeri selain Sabah atau Sarawak boleh, jika didapatinya suai manfaat berbuat demikian, mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih dan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya itu menyiasat—

- (a) kelakuan mana-mana pegawai Negeri;
- (b) penjalanan atau pengurusan mana-mana jabatan perkhidmatan awam Negeri itu;
- (c) penjalanan atau pengurusan mana-mana institusi awam yang disenggarakan semata-mata dengan kumpulan wang Negeri; atau
- (d) apa-apa perkara lain yang siasatan, pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri itu, berfaedah bagi kebajikan awam Negeri itu dan yang tidak secara langsung melibatkan kebajikan awam mana-mana Negeri lain:

Dengan syarat bahawa jika mana-mana pegawai Negeri, yang kelakuannya dicadangkan untuk disiasat itu, telah, pada masa melakukan kelakuan itu berkhidmat dalam suatu jabatan Kerajaan Persekutuan atau jabatan perkhidmatan awam suatu Negeri lain, Tauliah itu hendaklah dikeluarkan hanya dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri yang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Dalam seksyen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

- (a) “pegawai persekutuan” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik dan diambil bekerja oleh Kerajaan Persekutuan, dan mana-mana pegawai yang syarat pekerjaannya menjadikan dia bertanggung berkhidmat dengan lebih daripada satu Negeri;

- (b) “pegawai Negeri” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, selain Kerajaan Negeri Sabah atau Sarawak, yang syarat pekerjaannya tidak menjadikan dia bertanggung berkhidmat di luar Negeri itu;
- (c) (*Dipotong oleh L.N. 332/1958*).

Terma Tauliah

3. (1) Suatu Tauliah yang dikeluarkan di bawah seksyen 2 hendaklah menyatakan perkara siasatan itu dan boleh, menurut budi bicara Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) jika terdapat lebih daripada seorang Pesuruhjaya, mengarahkan—
 - (i) Pesuruhjaya mana yang menjadi Pengerusi; dan
 - (ii) bilangan Pesuruhjaya yang akan membentuk suatu kuorum;
- (b) mengarahkan di mana dan bila siasatan itu boleh diadakan dan laporannya akan diserahkan;
- (c) mengarahkan sama ada siasatan itu atau mana-mana bahagiannya boleh diadakan atau tidak boleh diadakan secara terbuka; dan
- (d) amnya menetapkan bagaimana Tauliah itu boleh dilaksanakan.

(2) Apabila Tauliah itu menyatakan bilangan Pesuruhjaya yang akan membentuk kuorum, bilangan Pesuruhjaya yang dinyatakan sedemikian boleh, dalam ketiadaan Pesuruhjaya yang lain itu, menjalankan segala atau mana-mana kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya itu oleh Akta ini.

Kuasa untuk menambahkan atau menggantikan Pesuruhjaya

4. (1) Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, dari semasa ke semasa, menambahkan orang yang dinamakan dalam mana-mana Tauliah itu, dan dalam hal mana-mana orang yang dilantik atau ditambahkan

di bawah Akta ini mati atau meletakkan jawatan atau berhasrat supaya dilepaskan atau enggan atau menjadi tidak berupaya menjalankan tugasnya, Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh melantik seorang Pesuruhjaya baru sebagai gantinya, dan segala kuasa dan kewajipan yang diberikan dan dipertanggungjawabkan oleh Akta ini kepada seseorang Pesuruhjaya hendaklah dijalankan dan dilaksanakan oleh Pesuruhjaya yang ditambahkan atau dilantik sedemikian.

(2) Apabila seorang Pesuruhjaya baru telah dilantik di bawah subseksyen (1) tidak perlu bagi apa-apa keterangan yang boleh diambil di hadapan Suruhanjaya itu sebelum pelantikan itu diambil semula.

Pelanjutan masa

5. Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, dari semasa ke semasa, dengan mengendorskan di bawah tandatangannya dalam sesuatu Tauliah, melanjutkan masa bagi pelaksanaan Tauliah itu, sama ada masa bagi pelaksanaannya itu telah tamat atau belum.

Pertukaran Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertua Negeri atau Raja

6. Tiada Tauliah yang dikeluarkan di bawah Akta ini boleh luput dengan sebab, atau selainnya terjejas oleh, kematian, ketiadaan, persaraan atau pemecatan Yang di-Pertuan Agong, jika dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, kematian, ketiadaan, persaraan atau pemecatan Yang di-Pertua mana-mana Negeri, jika dikeluarkan oleh Yang di-Pertua Negeri Negeri itu atau, jika dikeluarkan oleh Raja mana-mana Negeri, kematian Raja Negeri itu.

Pelantikan Setiausaha

7. Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh melantik seorang Setiausaha untuk menghadiri persidangan Suruhanjaya itu, untuk merekodkan prosidingnya, untuk menyimpan catatannya, menyaman dan merekodkan keterangan saksi, dan amnya untuk melaksanakan apa-apa kewajipan yang berkaitan dengan siasatan itu sebagaimana yang diperintahkan oleh Pesuruhjaya itu tertakluk kepada arahan, jika ada, Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kuasa Pesuruhjaya

8. Pesuruhjaya hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk memperoleh dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa semua orang sebagai saksi yang difikirkan oleh Pesuruhjaya perlu atau wajar diperoleh atau untuk diperiksa;
- (b) untuk menghendaki keterangan (sama ada bertulis atau lisan) daripada mana-mana saksi dibuat atas sumpah atau ikrar (sumpah atau ikrar itu hendaklah sumpah atau ikrar yang boleh dikehendaki daripada saksi itu jika dia memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi) atau melalui pengakuan berkanun;
- (c) untuk menyaman mana-mana orang di Malaysia, atau dalam hal suatu Tauliah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, di Negeri itu, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Pesuruhjaya untuk memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam miliknya dan untuk memeriksanya sebagai saksi atau menghendakinya mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam miliknya;
- (d) untuk mengeluarkan suatu waran tangkap bagi memaksa kehadiran mana-mana orang yang setelah disaman supaya hadir, tidak berbuat sedemikian, dan tidak memberikan apa-apa sebab yang memuaskan hati Pesuruhjaya mengenai ketidakhadiran itu, dan untuk memerintahkan dia membayar segala kos yang disebabkan dalam memaksa dia hadir atau oleh sebab keengganannya mematuhi saman itu, dan juga untuk mendenda orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh ringgit;
- (e) untuk mendenda dalam suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh ringgit, mana-mana orang, yang apabila dikehendaki oleh Pesuruhjaya untuk memberikan keterangan atas ikrar atau untuk mengemukakan suatu dokumen atau benda lain, enggan berbuat sedemikian dan tidak memberikan apa-apa sebab yang memuaskan hati Pesuruhjaya mengenai keengganannya itu;
- (f) walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan keterangan, untuk menerima apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang mungkin tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah;

- (g) tertakluk kepada apa-apa arahan yang terkandung dalam Tauliah itu—
- (i) untuk menerima masuk atau menahan masuk orang awam dalam siasatan itu atau mana-mana bahagiannya; dan
 - (ii) untuk menerima masuk atau menahan masuk akhbar dalam siasatan itu atau mana-mana bahagiannya; dan
- (h) untuk mengawardkan mana-mana orang yang telah menghadiri mana-mana mesyuarat Pesuruhjaya, termasuk mana-mana jurubahasa yang dilantik di bawah seksyen 9, apa-apa jumlah wang yang pada pendapat Pesuruhjaya yang telah dengan semunasabahnya dilakukan olehnya kerana menghadiri mesyuarat itu.

Jurubahasa

9. (1) Pesuruhjaya hendaklah mempunyai kuasa melantik mana-mana orang, sama ada pegawai awam atau bukan, untuk bertindak sebagai jurubahasa dalam apa-apa perkara yang dibawa di hadapan mereka dan untuk menterjemahkan apa-apa buku, catatan atau tulisan yang dikemukakan kepada mereka.

(2) Mana-mana jurubahasa yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah membuat dan menandatangani di hadapan Pesuruhjaya ikrar yang berikut:

“Saya, dengan sesungguhnya mengaku dan berikrar bahawa saya akan dengan taatnya melaksanakan tugas jurubahasa dan akan dengan sebenarnya menterjemahkan soalan yang dikemukakan dan jawapan yang diberikan oleh saksi dan juga pernyataan yang dibuat oleh Pesuruhjaya dan akan dengan sebenarnya menterjemahkan atau menghuraikan dan menyalinkan segala dokumen yang diamanahkan kepada saya bagi maksud itu dengan sedaya upaya saya, dan bahawa saya tidak akan, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya secara langsung atau secara tidak langsung mendedahkan kandungan apa-apa dokumen yang diamanahkan kepada saya, dan juga keterangan yang diberikan oleh saksi yang telah diterjemahkan oleh saya.”

Elaun

10. Apa-apa jumlah wang yang diawardkan oleh Pesuruhjaya di bawah perenggan 8(h) hendaklah dipertanggungjawabkan kepada dan dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan atau, jika Tauliah telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, daripada kumpulan wang awam Negeri itu.

Menggunakan keterangan dalam prosiding sivil dan jenayah

11. Tiada keterangan yang diambil di bawah Akta ini boleh diterima dalam mana-mana jua prosiding sivil atau jenayah terhadap orang yang memberikan keterangan itu, kecuali apabila orang itu dipertuduh dengan memberikan atau mereka keterangan palsu.

Penalti bagi ancaman, dsb., kepada saksi

12. (1) Mana-mana orang yang menghalang atau cuba menghalang mana-mana orang daripada memberikan keterangan di hadapan Pesuruhjaya atau dengan ancaman, menakutkan atau cuba menakutkan mana-mana orang memberikan keterangan itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun.

(2) Mana-mana orang yang mengancam, mencela atau mencederakan mana-mana orang kerana telah memberikan keterangan, atau disebabkan oleh keterangan yang telah diberikan di hadapan Pesuruhjaya, melakukan suatu kesalahan dan boleh dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun.

Penalti bagi penghinaan

13. Mana-mana orang yang melakukan suatu perbuatan penghinaan sebagaimana yang ditafsirkan dalam seksyen 14 terhadap Pesuruhjaya atau sesiapa daripada mereka melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ringgit atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga bulan.

Takrif penghinaan

14. Berikut disifatkan sebagai suatu perbuatan penghinaan mengikut pengertian seksyen 13:

- (a) apa-apa perbuatan tidak hormat atau apa-apa celaan atau ancaman terhadap Pesuruhjaya atau sesiapa daripada mereka semasa bersidang dalam Suruhanjaya; dan
- (b) apa-apa perbuatan tidak hormat atau apa-apa celaan atau ancaman terhadap seorang Pesuruhjaya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat lain disebabkan oleh prosidingnya atas sifatnya sebagai seorang Pesuruhjaya.

Cara menguruskan penghinaan

15. (1) Jika suatu perbuatan penghinaan dilakukan dalam kehadiran Pesuruhjaya apabila bersidang sebagai Suruhanjaya, Pesuruhjaya itu boleh, selepas mendengar pembelaan pesalah itu menjatuhkan hukuman ke atasnya dengan serta-merta mengikut seksyen 13.

(2) Dalam apa-apa hal lain Pesuruhjaya boleh menyaman pesalah itu supaya hadir di hadapan mereka pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu, di situ untuk menunjukkan sebab mengapa dia tidak boleh dihakimi sebagai telah melakukan suatu perbuatan penghinaan dan diuruskan mengikut seksyen 13.

(3) Jika mana-mana orang yang telah disaman mengikut subseksyen (2) tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu, Pesuruhjaya boleh mengeluarkan suatu waran memaksa kehadiran orang itu.

Pendakwa Raya untuk membantu Pesuruhjaya

16. (1) Pesuruhjaya boleh menghendaki Pendakwa Raya menyebabkan supaya disiasat apa-apa perkara yang berkaitan dengan siasatan itu.

(2) (a) Mana-mana orang yang dilantik oleh Pendakwa Raya untuk menyiasat apa-apa perkara itu hendaklah, bagi maksud penyiasatan itu, mempunyai segala kuasa berhubung dengan penyiasatan polis yang diberikan kepada pegawai polis dalam mana-mana kes boleh ditangkap di bawah Bab XIII Kanun Tatacara

Jenayah [Akta 593], dan boleh, apabila diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya, menggeledah mana-mana premis dan mengambil milik apa-apa artikel atau dokumen yang dinyatakan dalam surat kuasa itu.

(b) (*Ditinggalkan*).

Pemeliharaan ketenteraman oleh polis

17. Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri yang mengeluarkan Tauliah, mengikut mana-mana yang berkenaan boleh mengarahkan Ketua Polis Negara mempertugaskan pegawai polis untuk melayani mana-mana Pesuruhjaya, untuk memelihara ketenteraman semasa prosiding dan menyampaikan saman kepada saksi dan melaksanakan apa-apa tugas kementerian yang diarahkan oleh Pesuruhjaya.

Hak untuk diwakili oleh peguam

18. Mana-mana orang yang kelakuannya menjadi perkara siasatan di bawah Akta ini, atau sesiapa yang dalam apa-apa cara yang terlibat atau kena mengena dalam perkara yang sedang disiasat itu, berhak untuk diwakili oleh seorang peguam bela dalam keseluruhan siasatan itu; dan mana-mana orang lain yang difikirkannya wajar bahawa dia hendaklah diwakili sedemikian boleh, dengan kebenaran Pesuruhjaya itu, diwakili mengikut cara yang disebut terdahulu. Peguam Negara, Peguam Cara Negara, mana-mana Peguam Persekutuan, atau mana-mana anggota Jabatan Peguam Besar Negeri, Sabah atau Sarawak, yang berkelulusan undang-undang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Peguam Besar Negeri, berhak pada bila-bila masa hadir di hadapan dan berucap kepada Pesuruhjaya itu atas apa-apa perkara yang pada pendapat Peguam Negara berkaitan dengan siasatan itu.

Pesuruhjaya ialah pekhidmat awam dan siasatan ialah prosiding kehakiman di bawah Kanun Keseksaan

19. Tiap-tiap Pesuruhjaya yang dilantik di bawah Akta ini hendaklah, selagi dia bertindak sebagai Pesuruhjaya, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574], dan tiap-tiap siasatan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai suatu prosiding kehakiman mengikut pengertian Kanun itu.

Pesuruhjaya mempunyai kuasa Majistret Kelas Satu

20. Bagi maksud mendapatkan apa-apa kos yang telah diawardkan atau menguatkuasakan pembayaran apa-apa denda yang telah diperintahkan atau dikenakan atau melaksanakan mana-mana waran tangkap atau perintah pemenjaraan, Pesuruhjaya atau sesiapa daripada mereka mempunyai kuasa seorang Majistret Kelas Satu.

Perlindungan bagi Pesuruhjaya dan saksi

21. (1) Tiada Pesuruhjaya boleh dikenakan apa-apa guaman atau prosiding lain bagi apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan olehnya sebagai Pesuruhjaya.

(2) Segala keterangan yang diberikan bagi maksud apa-apa siasatan di bawah Akta ini terlindung secara mutlak supaya saksi yang memberikan keterangan itu tidak boleh dikenakan apa-apa guaman atau prosiding sivil lain berkenaan dengan keterangan itu.

Tatacara dan bentuk

22. Tertakluk kepada Akta ini tatacara yang diikuti oleh Pesuruhjaya dan bentuk apa-apa perintah, saman, waran atau dokumen lain yang dibuat atau dikeluarkan bagi maksud Akta ini mengikut budi bicara Pesuruhjaya.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 119****AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord 60/1956	The Settlements Nominated Council (Change of Title) Ordinance 1956	01-09-1956
L.N. 332/1958	Federal Constitution (Modification of Laws) (Ordinances and Proclamations) Order 1958	13-11-1958
L.N. 118/1965	Moditication of Laws (Federal Commission of Enquiry) (Extension to Borneo States and Singapore) Order 1965	02-04-1965
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A324	Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan dan Peluasan) 1976	10-01-1976
Akta A354	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976	27-08-1976

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 119

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	L.N. 332/1958 L.N. 118/1965	13-11-1958 01-04-1965
3	L.N. 118/1965 L.N. 332/1958	01-04-1965 13-11-1958
4	L.N. 332/1958	13-11-1958
5	L.N. 332/1958	13-11-1958
6	L.N. 332/1958 Akta A354	13-11-1958 27-08-1976
7	L.N. 332/1958 L.N. 118/1965	13-11-1958 01-04-1965
8	L.N. 332/1958 Akta 160	13-11-1958 29-08-1975
10	L.N. 118/1965 L.N. 332/1958	01-04-1965 13-11-1958
13	Akta 160	29-08-1975
16	L.N. 332/1958 Akta A324	13-11-1958 10-01-1976
17	L.N. 332/1958 L.N. 118/1965	13-11-1958 01-04-1965
18	L.N. 118/1965	01-04-1965
19	L.N. 118/1965	01-04-1965
